

GINOKRITIKAN DALAM NOVEL PEREMPUAN TANPA DOSA KARYA FATINILAM SARI AHMAD

NIK NURUL NAJWA BT MOHD YASIN
P141271@siswa.ukm.edu.my

MAS RYNNA WATI AHMAD*
masryнна@ukm.edu.my

*Penulis Koresponden

ABSTRAK

Teknik penulisan dalam sesebuah karya sastera adalah cerminan pemikiran dan keperibadian seseorang penulis. Pemilihan Fatinilam Sari Ahmad dalam skop kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan identiti gaya bahasa yang digunakan olehnya dalam proses pengkaryaan novel *Perempuan Tanpa Dosa* (2000) terbitan Creative Enterprise. Novel ini mengangkat isu yang dihadapi oleh seorang wanita ketika berhadapan dengan dugaan hidup dalam mencari cinta sejati, yang akhirnya mempengaruhi kehidupannya. Kajian ini dijalankan untuk merungkai persoalan mengenai isu kewanitaan dari sudut ginokritikan. Ginokritik adalah satu bentuk kritikan feminis yang memfokuskan analisis kesusasteraan yang ditulis oleh wanita, dengan memberikan penekanan kepada pemahaman tulisan dari perspektif wanita. Istilah ginokritik diperkenalkan oleh Elaine Showalter pada tahun 1979 dan mengangkat pelbagai isu wanita yang merangkumi pelbagai topik berkaitan dengan hak, status, dan kesejahteraan wanita dalam masyarakat. Ini melibatkan banyak aspek kehidupan sosial, ekonomi, politik, dan budaya secara keseluruhannya. Pemilihan teori tersebut dilihat munasabah dengan novel yang dipilih kerana kedua-duanya membincangkan dan mengangkat isu wanita. Kajian ini bertujuan untuk meneroka tradisi sastera wanita serta mendedahkan suara, tema, dan pengalaman penulis wanita yang sering dipinggirkan dalam kritikan sastera tradisional. Makalah ini akan membincangkan dua pendekatan, iaitu '*Penulisan wanita dan biologi wanita*' serta model '*Penulisan wanita dan bahasa wanita*' untuk merungkai permasalahan yang berlegar dalam novel ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penulis wanita berupaya mengangkat isu berkaitan wanita dengan lebih teliti kerana bahasa tubuh dan psikologi wanita lebih mudah difahami dan diungkap oleh wanita itu sendiri.

Kata kunci: novel, feminsime, ginokritikan, model penulisan wanita, intelektual.

GENDER CRITICISM IN THE NOVEL PEREMPUAN TANPA DOSA BY FATINILAM SARI AHMAD

ABSTRACT

The writing technique in a literary work reflects the thoughts and personality of the writer. The selection of Fatinilam Sari Ahmad in this study aims to showcase the identity of the language style she employs in the process of creating the novel *Perempuan Tanpa Dosa* (2000), published by Creative Enterprise. This novel addresses the issues faced by a woman when confronted with life's challenges in her quest for true love, which ultimately influences her life.

This study is conducted to unravel questions regarding women's issues from the perspective of gynocriticism. Gynocriticism is a form of feminist criticism that focuses on the analysis of literature written by women, emphasizing the understanding of texts from a female perspective. The term "gynocriticism" was introduced by Elaine Showalter in 1979 and highlights various women's issues encompassing topics related to women's rights, status, and well-being in society. This involves many aspects of social, economic, political, and cultural life as a whole. The selection of this theory is deemed appropriate for the chosen novel, as both discuss and elevate women's issues. This study aims to explore the tradition of women's literature and reveal the voices, themes, and experiences of women writers who are often marginalized in traditional literary criticism. This paper will discuss two approaches: '*Women's writing and women's biology*' as well as the models of '*Women's writing and women's language*' to unravel the issues that circulate in this novel. The findings of the study indicate that women writers are capable of addressing issues related to women more thoroughly, as women's body language and psychology are more easily understood and articulated by women themselves.

Keyword: Novel, feminism, gynocriticism, models of female writings, intellectual.

PENGENALAN

Kewujudan genre novel memainkan peranan penting sebagai cerminan pemikiran pengarang kerana melalui karya tersebut, penulis mengekspresikan pandangan, nilai, dan interpretasi terhadap persekitarannya. Jumali Hj. Selamat (2009), berpandangan bahawa penghasilan sesebuah karya adalah rangkuman fikiran pengarang yang diluahkan secara bertulis atau lisan, berkaitan dengan kepelbagaian kehidupan manusia dan alam yang diadun sebatu bersama pengalaman serta dihiasi dengan imaginasi dan kreativiti. Apabila membincangkan aspek pembangunan minda, tumpuan pemikiran yang menjadi tunjang utama atau tiang seri dalam kerangka dasar sesebuah novel tidak boleh diabaikan. Jumali Hj. Selamat (2009), menyatakan pemikiran adalah suatu usaha pengarang mencari idea dalam mengatasi permasalahan tertentu yang dihadapi oleh anggota masyarakat dengan tujuan memperoleh pelbagai pemerhatian dan pertimbangan.

Pada masa kini, banyak novel tentang wanita telah dihasilkan, dan semakin ramai penulis wanita yang menulis karya-karya ini. Karya yang dihasilkan oleh penulis wanita sering memaparkan kemelut dan konflik kehidupan watak wanita, namun gambaran yang diberikan masih belum jelas dan adil. Latifah Arifin (2016), dalam akhbar *Berita Harian* bertarikh 20 Mac (2016), bertajuk "Corak Penulisan Wanita Tidak Berubah" mendapati penulis wanita dikritik masih terperangkap dalam ideologi dan gaya penulisan tipikal sehingga gagal menjelmakan pembaharuan, sebaliknya hanya menyogok pembaca dengan karya bersifat 'biasa-biasa' yang melingkari kehidupan mereka seperti hal kekeluargaan, kemasyarakatan dan isu moral. Kritikan tersebut dilemparkan pengarang yang banyak menulis kritikan sastera, Zaleha Ahmat (2016) ketika mengulas kumpulan cerpen Salina Ibrahim bertajuk G.P.S pada acara Kata Pembaca Kata Pengarang (KPaP) di Rumah Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Kuala Lumpur, baru-baru ini. Kajian ini secara tidak langsung dapat mengisi kekosongan dalam sorotan akhbar tersebut, yang memperlihatkan gaya penulisan dan bahasa penulis wanita, walaupun tema yang digunakan adalah klise. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa artikel lepas ditulis oleh Muhd Norizam Jamian dan Nursyaza Ilyana Shahrudin (2020) yang menjelaskan bahawa sungguhpun penulisan wanita itu kelihatan klise, namun demikian, penulis wanita dilihat memainkan peranan yang besar dan penting dalam kehidupan moden termasuklah sebagai pemimpin. Sebagaimana lelaki, wanita turut mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tersendiri. Ciri-ciri yang membina citra kepimpinan wanita boleh dikupas berdasarkan empat dimensi, iaitu karisma, rangsangan intelek, motivasi berinspirasi dan

pertimbangan individual. Selain itu, kajian oleh Tuan Rusmawati Raja Hassan, Mawar Safei dan Muammar Ghaddafi Hanafiah (2018), dapatan kajian menunjukkan bahawa, pemeragaan watak wanita lewat *Wajah Seorang Wanita* menjadi suatu puncak tertinggi yang menggambarkan ciri-ciri umat terbaik. Watak Siti Musalmah dikesani menepati etika tu'minubillah. Kajian ini merumuskan bahawa S. Othman Kelantan bukan sahaja mengangkat isu keprofetikan terhadap perwatakan dalam novel, malahan sifat tersebut juga sangat terserlah melalui karya dan aspek latar diri pengarang sehingga merentas kepada akar tradisi Melayu-Islamnya.

Jelas di sini, karya penulis wanita sering dianggap remeh dan klise kerana didakwa hanya bermain dengan emosi. Namun demikian, impak yang diberikan hasil daripada penulisan ini sebenarnya luas. Penulisan wanita dianggap remeh kerana dilihat secara dangkal, tanpa pendekatan yang telus untuk menilai karya-karya mereka dengan adil. Dengan adanya pendekatan yang tepat, barulah karya-karya yang ditulis oleh pengarang wanita untuk wanita dapat difahami justeru pengisiannya dapatlah dimanfaatkan sebaiknya. Makalah ini akan menumpukan kepada isu wanita yang dibangkitkan oleh pengarang, Fatinilam Sari Ahmad, dari perspektif berbeza, iaitu dari sudut ginokritikan, sebuah pendekatan yang tidak asing lagi dalam kajian feminisme."

PERMASALAHAN KAJIAN

Novel *Perempuan Tanpa Dosa* merupakan salah satu karya sastera yang mengemukakan aspek berkaitan kewanitaan menghadapi dugaan hidup dalam mencari cinta sejati yang akhirnya telah mempengaruhi seluruh aspek kehidupan dan percintaan seseorang wanita. Hal ini dapat dilihat melalui watak-watak yang dipaparkan iaitu watak-watak yang dipertemukan dalam kegawatan yang sedang berlaku dan ditambah pula dengan berlakunya pelbagai konflik percintaan dalam kehidupan mereka. Perjalanan watak-watak yang diberikan iaitu watak Lily, Usu Sakinah dan watak-watak lain di dalam novel *Perempuan Tanpa Dosa* ini juga jelas memperlihatkan sisi feminisme yang berlaku dalam kalangan wanita setelah mengalami konflik percintaan. Ini dapat dilihat apabila watak Usu Sakinah dan Lily sedikit sebanyak mula memahami banyak perkara dalam kehidupan mereka termasuklah sebab musabab segala permasalahan yang berlaku dalam kehidupan mereka. Kedua-dua watak tersebut juga turut menggambarkan watak seorang wanita yang tabah dengan menghadapi permasalahan yang berlaku dalam kehidupan mereka dalam menemui cinta yang sejati. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengangkat dan mengupas permasalahan yang saling berkait dengan isu feminisme atau kewanitaan yang terkandung dalam novel *Perempuan Tanpa Dosa* dengan menggunakan pendekatan ginokritik. Pendekatan ginokritik dalam novel ini sangat relevan untuk mengkaji sifat kewanitaan, terutama dalam aspek penggunaan bahasa dan elemen biologi wanita yang ditampilkan oleh pengarang, yang juga seorang wanita. Melalui pendekatan ini, analisis lebih mendalam dapat dibuat terhadap cara penulis menyampaikan pengalaman dan identiti kewanitaan dalam naratifnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang wanita dapat menonjolkan pengalaman, suara, serta identiti mereka melalui cara, gaya, dan bahasa yang unik. Kajian ini juga akan menilai sama ada pendedahan pengalaman dan suara wanita dalam karya tersebut mampu mencabar serta mengatasi tanggapan androsentrik yang dominan dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetengahkan isu berkaitan wanita yang dipaparkan dalam novel

Perempuan Tanpa Dosa karya Fatinilam Sari Ahmad. Kajian ini akan meneliti aspek perwatakan wanita dalam novel tersebut melalui pendekatan teori ginokritik. Meskipun kebanyakan kajian yang menggunakan teori ginokritik cenderung memfokuskan kepada maksud, sejarah, dan prinsip-prinsip asas teori ini, terdapat kekurangan dalam kajian yang mendalami aspek psikologi dan bahasa watak wanita, khususnya dalam novel ini. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk memperincikan elemen psikologi dan bahasa yang diketengahkan dalam novel *Perempuan Tanpa Dosa* serta menganalisis aspek-aspek ini melalui lensa teori ginokritik, bagi mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif tentang perwatakan dan pengalaman wanita dalam naratif novel tersebut.

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan menumpukan kepada novel *Perempuan Tanpa Dosa* karya Fatinilam Sari Ahmad sebagai sumber utama kerana ia menyentuh isu wanita yang menghadapi konflik cinta yang membawa kepada kesedaran diri dan masyarakat. Antara isu wanita yang diketengahkan dalam novel ini termasuk hubungan kekeluargaan, maruah wanita, dan pengorbanan wanita. Novel *Perempuan Tanpa Dosa* juga dipilih kerana ia menyampaikan pelbagai ilmu, bukan sahaja dalam bidang sastera, tetapi juga berkaitan agama Islam yang penting untuk diketahui ramai. Islam telah menetapkan garis panduan yang jelas mengenai perbuatan halal dan haram dalam semua aspek, termasuk perbuatan zina. Lelaki yang bersetubuh dengan wanita yang tidak halal baginya, iaitu yang belum dinikahi, telah melakukan zina dan berdosa besar. Allah s.w.t. telah menjelaskan tentang kejinya perbuatan zina, kerana kalimah "*fahisyah*" bermaksud perbuatan keji atau kotor yang sudah mencapai tahap tertinggi dan diakui kekejiannya oleh setiap yang berakal. Selain itu, zina adalah seburuk-buruk jalan kerana ia membawa kepada kebinasaan, kehancuran, dan kehinaan di dunia serta azab di akhirat (Ibnu Qayyim, 2007). Islam meletakkan kedudukan wanita seiring dengan lelaki dalam banyak perkara. Lazimnya, ayat-ayat al-Quran menyebut lelaki dan wanita bersama, mencerminkan bahawa Islam tidak mendiskriminasi golongan wanita. Bahkan, kejadian lelaki dan wanita tidak mempunyai perbezaan kecuali dalam hal taqwa. Kedatangan Nabi Muhammad SAW telah mengangkat darjat wanita, memberi hak yang sewajarnya, dan meletakkan mereka di tempat yang sesuai dengan fitrah. Bahkan, terdapat satu surah khusus dalam al-Quran yang dinamakan surah '*al-Nisa*'. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada unsur kewanitaan yang terdapat dalam novel *Perempuan Tanpa Dosa* karya Fatinilam Sari Ahmad dengan menggunakan dua model teori ginokritik, iaitu "Penulisan wanita dan biologi wanita" dan "Penulisan wanita dan bahasa wanita," berdasarkan watak-watak yang terdapat dalam novel tersebut.

GINOKRITIKAN DALAM NOVEL *PEREMPUAN TANPA DOSA*

Feminisme dan Ginokritikan adalah dua konsep yang berkait rapat dalam kajian sastera dan kritik sastera. Md. Asham Ahmad (2022), menjelaskan feminisme merupakan suatu faham yang menuntut persamaan hak untuk wanita. Ia adalah suatu teori sosial dan Gerakan politik yang mendokong persamaan hak tanpa mengira jantina dalam setiap aspek kehidupan sama ada peribadi ataupun bermasyarakat. Kaum feminis berpandangan bahawa segala bentuk kekangan undang-undang dan budaya terhadap wanita hendaklah dihapuskan bagi mencapai persamaan itu, dan apa yang dianggap kekangan itu termasuklah agama.

Norhayati Ab. Rahman (2005), menjelaskan *Gynocriticism* secara etimologi adalah berasal daripada perkataan Perancis "*la gynocritique*". Ia satu teori yang khusus dirangka untuk digunakan bagi menerangkan dan menganalisis karya-karya tentang wanita yang dihasilkan

oleh wanita. Ginokritik diperkenalkan oleh Showalter pada tahun 1979. Teori ini memberi perhatian khusus kepada wanita sebagai pengarang. Dengan maksud lain, ginokritik menganggap wanita sebagai pengeluar atau penghasil tekstual. Oleh itu, wanita berperanan sebagai penyampai makna teks, yang mana sernua persoalan sejarah, tema, genre, dan struktur penulisan ditentukan sepenuhnya oleh wanita. Aspek-aspek yang diturnpukan dalam ginokritik adalah merangkumi psikodinamik dalam kreativiti wanita, hubungan antara kerjaya seseorang penulis wanita dengan aspirasi secara kolektif, dan juga mengkaji perkembangan yang berlaku dalam tradisi sastera wanita, yang sebelum ini diabaikan.

Selain itu, Norhayati Ab. Rahman (2005) menerangkan ginokritik dirangka berdasarkan kepada soal dalaman wanita yang berhubung rapat dengan aspek-aspek biologi, psikologi, bahasa, dan budaya yang melingkungi dan mempengaruhi proses penulisan wanita. Gagasan teori yang dikemukakan oleh Showalter berlandaskan kepada 'wanita sebagai pengarang'. Pernyataan ini menjelaskan bahawa ginokritik menumpukan kepada suatu rangka kerja wanita untuk menganalisis karya sastera wanita. Caranya ialah dengan membina model-model baru, berdasarkan kepada pengalaman wanita.

Proses kemunculan teori ginokritik bermula dari penelitian Showalter terhadap petikan daripada tulisan Virginia Woolf (1957) dan Helene Cixous (1976) yang membincangkan tentang konsep dan ciri-ciri feminin pada penulisan wanita. Bermula dengan soal pentakrifan istilah feminin, Showalter telah membahas dan membincangkannya dari sudut sejarah perkembangan penulisan dan kritikan oleh wanita. Dalam soal feminin ini, Showalter percaya bahawa ianya harus bermula dengan proses mentafsirkan semula sastera, serta menjadikan perkembangan yang berlaku pada dekad yang lepas sebagai asasnya. Teori ginokritik menegaskan hak dan peranan wanita yang telah ditampilkan sebagai suatu fasa perubahan. Beliau berpendapat bahawa, secara praktikal, kritikan feminis ini merupakan rombakan semula daripada teori yang lama, dengan kemasukan model-model baru. Showalter juga menegaskan bahawa kritikan feminis ini mampu menyumbang kepada lain-lain kritikan pratikal semasa dan metodologi. Berdasarkan pengamatan dan kajiannya, Showalter merumuskan bahawa perbezaan atau kelainan yang terdapat dalam karya sastera wanita berbanding lelaki bukanlah berlaku secara kebetulan. Showalter menegaskan bahawa melalui ginokritik, kaum wanita berpeluang untuk mempelajari sesuatu yang padu, kekal dan benar tentang perhubungan antara wanita dengan budaya sastera. Maksudnya, apa yang dipelajari dan dikuasai adalah gambaran dan hakikat sebenar tentang dunia wanita, yang dipaparkan oleh wanita sendiri. Showalter menyarankan agar usaha-usaha memahami dunia wanita tersebut digandingkan dengan para pengkaji budaya, memandangkan pendekatan ginokritik juga berhubung dengan penyelidikan feminis dalam sejarah, linguistik, antropologi, psikologi, dan sosiologi. Kepelbagaian disiplin kajian tersebut kemudian dikembangkan dengan hipotesis tentang sub budaya wanita. Ginokritik mesti juga mengambil kira perbezaan dan aspek-aspek politik, sosial dan sejarah personal dalam menenrukan suara-suara sastera wanita dan kerjaya. Ginokritik memberikan peluang bagi kemunculan teori kritikan sastera yang dapat melepaskan diri dari bergantung pada model-model kritikan lelaki, yang diguna pakai untuk meneliti karya-karya wanita. Nur Syifaa Atikah Binti Nordin dan Che Abdullah Bin Che Ya menyatakan bahawa Ginokritikan merupakan satu teori yang menekankan beberapa aspek utama seperti kajian terhadap wanita sebagai pengarang, pengeluar atau penghasil teks melalui persoalan sejarah, tema, genre dan struktur penulisan yang sepenuhnya dihasilkan oleh wanita. Justeru itu, teori ginokritik oleh Showalter dilihat sesuai dan menepati prinsip teori ginokritik itu sendiri dalam menganalisis isu wanita yang ditonjolkan oleh pengarang wanita dalam novel *Perempuan Tanpa Dosa*. Dalam menjelaskan perkara ini, yang menjadi tumpuan kepada teori ginokritik, Showalter mengemukakan empat model yang berbeza iaitu:

Penulisan wanita dan biologi wanita

Model biologi wanita merupakan satu pendekatan yang melihat kepada perbezaan teks yang ditentukan oleh aspek biologi atau tubuh badan. Dalam konteks ini, struktur atau anatomi badan dilihat sebagai tekstualiti atau kandungan teks. Menurut Showalter, kritikan yang berasaskan biologi ini merupakan salah satu komponen teori kritikan feminis yang menjurus kepada kemungkinan menjadikan tubuh badan sebagai asas analisis. Showalter dan beberapa feminis lain menekankan tentang kepentingan dan peranan biologi atau tubuh badan sebagai salah satu daripada asas yang mendasari proses penciptaan sastera wanita. Mereka mengakui bahawa tubuh badan wanita yang lemah lembut akan berkecenderungan untuk menghasilkan bahasa, nada dan gaya penulisan yang lembut serta tersendiri, berbanding dengan penulisan lelaki.

Penulisan wanita dan bahasa wanita

Model bahasa wanita secara ringkasnya adalah wanita menulis menggunakan cara dan gaya bahasa mereka sendiri. Perbezaan penggunaan bahasa terlihat dalam percakapan, intonasi, struktur ayat, strategi, dan konteks persembahan bahasa. Di samping itu, dalam penulisan wanita, mereka cenderung menggunakan lambang, imej, dan sintaksis yang mengelirukan. Bahasa wanita juga berhubungan dengan keadaan biologi mereka, di mana gaya penulisan dan pertuturan wanita dikatakan selembut badan mereka sendiri. Dengan keistimewaan tersebut, wanita boleh melakukan perubahan pada gaya dan sistem penandaan yang digunakan oleh lelaki. Wanita boleh menjadikan bahasa sebagai salah satu faktor yang memainkan peranan dalam proses penciptaan karya sastera, secara tidak langsung menjadi salah satu ciri kepada penulisan sastera wanita.

Penulisan wanita dan psikologi wanita

Model psikologi wanita merupakan kritikan feminis yang berorientasikan analisis psikologi yang mengaitkan perbezaan dalam penulisan wanita dengan semangat pengarang dan hubungan jantina dengan proses kreatif. Model tersebut menggabungkan model biologi dan linguistik perbezaan jantina bagi menghasilkan teori jiwa dan diri wanita yang dibentuk oleh badan, oleh bahasa, dan oleh peranan seks yang ditetapkan oleh masyarakat. Dalam konteks ini, walaupun agak sukar, model Freud telah diambil untuk pemeriksaan untuk menjadikannya ginokritik.

Penulisan wanita dan budaya wanita

Menurut Showalter, teori berdasarkan model budaya mungkin menyediakan cara yang lebih lengkap dan memuaskan untuk membincangkan keunikan serta perbezaan penulisan wanita berbanding teori yang berasaskan biologi, linguistik, atau psikologi. Showalter berhujah bahawa teori budaya menggabungkan idea tentang tubuh, bahasa dan jiwa wanita, dan ditafsirkan berkaitan dengan konteks sosial mereka. Cara wanita membentuk konsep tubuh mereka dan sifat jantina mereka adalah berkaitan dengan persekitaran budaya mereka. Jiwa wanita boleh dikaji sebagai produk atau pembangunan kuasa budaya. Bahasa juga datang sebagai gambaran, kerana ia mengambil kira dimensi sosial, yang menentukan penggunaan bahasa, membentuk tingkah laku linguistik oleh idea budaya. Pengetahuan tentang teori budaya mengenai perbezaan penting antara wanita sebagai pengarang, termasuk kelas, bangsa, kewarganegaraan, dan sejarah, adalah penentu kepentingan sastera berdasarkan jantina.

Daripada empat model tersebut, kajian ini hanya memfokuskan dua model yang terdapat dalam teori ginokritik iaitu “Penulisan wanita dan biologi wanita” dan “Penulisan wanita dan bahasa wanita”. Dua model tersebut dipilih kerana pengakaji melihat model ini sesuai dalam mengetengahkan isu yang ingin dikaji dengan lebih mendalam berkenaan wanita. Hal ini kerana, dengan menggunakan kedua-dua model tersebut dapat dilihat bahawa pengarang

memperlihatkan penulisan mereka mengangkat watak wanita dalam novel tersebut. Novel tersebut juga dilihat bermain dengan isu wanita yang mana dua model tersebut dilihat secara jelas mengangkat isu berkaitan wanita.

ANALISIS PEREMPUAN TANPA DOSA DARI LENSE GINOKRITIKAN

Setiap karya sastera, seperti novel *Perempuan Tanpa Dosa*, mempunyai watak dan perwatakan yang tersendiri. Watak dan perwatakan adalah pelaku yang menggerakkan cerita dalam karya tersebut. Terdapat beberapa jenis watak yang boleh digolongkan, iaitu watak utama dan watak sampingan. Watak juga boleh terdiri daripada pelbagai jenis, seperti manusia biasa, binatang, benda, atau makhluk ghaib. Watak dan perwatakan juga dapat menggambarkan latar masyarakat dalam sesebuah karya sastera. Watak dapat dinilai berdasarkan jenisnya, sama ada watak protagonis atau antagonis, serta merangkumi rupa dan tubuh badan watak tersebut. Perwatakan pula dapat dilihat melalui perlakuan dan pemikiran yang dibawa oleh setiap watak. Chen Nan Fei dan Mawar Safei (2017) menjelaskan bahawa pengarang wanita sering mengajukan tema cinta dengan menampilkan watak wanita sebagai protagonis dalam novel mereka. Dalam novel *Perempuan Tanpa Dosa*, terdapat beberapa watak seperti Usu Sakinah, Lily, Rizal, Dato' Majid, Eddie, Habsah, dan ramai lagi.

Antara watak yang dijelaskan dalam novel *Perempuan Tanpa Dosa* karya Fatinilam Sari Ahmad adalah Usu Sakinah dan Lily. Pemilihan watak Usu Sakinah dan Lily dalam novel tersebut dilihat bersesuaian dengan teori yang dipilih berkaitan dengan wanita, di mana penulis menengahkan isu kewanitaan sebagai tunjang utama dalam novel. Model 'Penulisan Wanita' dan 'Biologi Wanita' secara ringkas memperlihatkan penulis menggunakan biologi wanita dalam karya yang tidak hanya memfokuskan pada tubuh badan, tetapi juga melibatkan aspek dalaman wanita seperti emosi, pemikiran, perasaan, dan isi hati. Penulisan biologi wanita dapat dilihat berdasarkan petikan berikut.

“Dah jodoh dia!” jawab Usu Sakinah tenang. Air mata yang tadi ditahannya mula bertakung dalam kolam matanya. “Usu terima segalanya sebagai takdir, kak. Usu ni perempuan, apa yang dapat usu buat selain dari menunggu datangnya jodoh usu. Takkan usu nak mencari-cari, macam gadis tak bermaruah. Usu masih ada harga diri. Biar sampai mati usu tak khawin, usu reda kak, kalau itulah ketentuan Tuhan untuk usu,” ucap Usu Sakinah perlahan.

(Fatinilam Sari Ahmad, d 13-14)

Berdasarkan petikan novel di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa penulis ingin menunjukkan watak wanita, iaitu Usu Sakinah, yang diwujudkan dalam novel *Perempuan Tanpa Dosa* sebagai seorang wanita yang tampak lemah dan penuh dengan air mata, tetapi beliau seorang yang tabah dalam menghadapi masalah yang dihadapinya. Ketabahan watak Usu Sakinah diperlihatkan oleh penulis apabila watak tersebut menyatakan bahawa dia menerima segalanya sebagai takdir. Dia merupakan seorang perempuan yang tidak dapat berbuat apa-apa selain menunggu datangnya jodoh. Dia tidak akan mencari-cari jodoh seperti gadis yang tidak bermaruah. Dia masih mempunyai harga diri. Walaupun sampai mati dirinya tidak berkahwin, dia reda sekiranya itu ketentuan Tuhan. Berdasarkan novel tersebut, penulis tidak memfokuskan kepada 'tubuh badan', tetapi sebaliknya bijak bermain dengan emosi seorang wanita. Fitrah seorang perempuan memang istimewa, dipenuhi dengan pelbagai perasaan dan emosi yang sering kali dirasakan oleh kaum lelaki sebagai sesuatu yang kompleks dan sukar untuk

difahami. Perkara tersebut telah digunakan sebaiknya oleh penulis dalam menghasilkan karya tersebut.

Selain itu, watak Lily juga merupakan contoh yang sesuai dalam penulisan dan biologi wanita yang ditonjolkan dalam novel ini. Ruzy Suliza Hashim (2006) menyatakan bahawa dalam hampir semua masyarakat di dunia, pengkaji gender mendapati bahawa fisiologi wanita sering dijadikan alasan untuk menjustifikasi ketaksamaan gender. Dalam konteks dunia Melayu, ketaksamaan gender sering dikaitkan dengan fisiologi wanita, yang menyebabkan mereka diharapkan berperanan sebagai isteri dan ibu. Istilah 'seks' pula membawa maksud 'hubungan kelamin'. Apabila membincangkan soal seksualiti, isu ini turut menjadi bahan kajian pengkaji gender dan seksualiti. Oleh itu, kajian antropologi memberikan banyak pemahaman tentang hubungan antara biologi wanita, gender, dan seksualiti. Contoh dalam novel adalah seperti berikut

Perbualan mereka terganggu apabila Lily muncul dari dalam membawa dulang berisi dua cawan kopi. Mata Rahman terpaku pada wajah bujur sirih, berkulit putih kuning itu. Rambutnya dipotong pendek dan kemas.
Apabila terasa ditenung, Lily segera beredar ke dalam.
Rizal yang menyedari reaksi Rahman, menepuk bahu temannya.
“Minumlah!”

(Fatinilam Sari Ahmad, 18)

Petikan ini dengan jelas menunjukkan bahawa penulis menggunakan unsur biologi wanita dalam menggambarkan tubuh badan mereka. Watak Lily digambarkan sebagai seorang wanita yang cantik, apabila Rahman terpaku melihat wajahnya yang bujur sirih dan berkulit putih kekuningan. Rambutnya pendek dan kemas. Penulis turut memaparkan Lily sebagai seorang wanita mengandung untuk menunjukkan sisi biologi wanita dalam wataknya. Tubuh wanita mengalami banyak perubahan fisiologi dan biologi seiring fasa kehidupannya, bermula dari alam remaja hingga ke tahap yang paling mencabar semasa hamil dan menyusukan bayi, sehingga usia emas. Dalam novel tersebut, dapat dilihat penulis menggunakan unsur biologi wanita sepenuhnya untuk menonjolkan tema feminisme atau kewanitaan dalam masyarakat. Berdasarkan contoh ini, jelas bahawa unsur biologi wanita bukan sahaja digunakan untuk menggambarkan bentuk tubuh, tetapi turut berperanan menggambarkan emosi, pemikiran, dan perasaan wanita.

Penggunaan gaya bahasa dalam karya penulisan kreatif sama pentingnya dengan pengajaran dan tema dalam karya penulisan bukan kreatif. Ini kerana gaya bahasa memainkan peranan penting dan dianggap sebagai nadi yang menghidupkan sesebuah karya kreatif. Model penulisan wanita dan bahasa wanita umumnya menekankan penggunaan gaya bahasa yang mencerminkan sifat kewanitaan dalam karya. Menurut Devianty (2017), bahasa mempunyai dua maksud. Yang pertama ialah bunyi yang dihasilkan oleh organ yang terlibat dalam penghasilan kata serta makna yang terkandung dalam bunyi tersebut. Maksud bahasa yang kedua ialah makna yang mempengaruhi reaksi terhadap apa yang didengar. Ada kalanya, bahasa hanya disampaikan melalui bahasa badan yang melibatkan gerak laku, intonasi suara, air muka, dan bahasa tubuh. Maklumat yang disampaikan secara verbal tidak akan berkesan jika tidak diselarikan dengan komunikasi non-verbal. Menurut Nordiana Hamzah dan Azhar Wahid (2017), golongan wanita lebih mudah melahirkan emosi mereka dan tidak mudah mengalah apabila menghadapi masalah. Penggunaan bahasa wanita dapat dilihat melalui petikan berikut:

“Berapa satu ikat ni, usu?”

“Seringgit sudahlah,” jawab Usu Sakinah sambil menongkat basikalnya.

Raga berisi labu dituturkan lalu diletakkan di atas pangkin.

“Hai, minggu lepas lapan puluh sen aja. Dah naik pula?” Sampuk wanita gemuk yang mulai memilih sayur. Usu Skinah tersengih. “Biasalah, Kak Mun. Kan barang-barang semua dah naik harga. Baja sayur pun naik. Pendeknya semua barang naik.”

(Fatinilam Sari Ahmad, 6)

Di sini, penulis menggunakan gaya bahasa yang sesuai sebagai medium untuk mengungkapkan segala perkara yang berada dalam minda dan tubuh badan wanita. Watak Usu Sakinah digambarkan sebagai seorang yang ramah mesra. Watak Usu Sakinah digambarkan sebagai seorang yang ramah mesra. Dia menjawab dengan ramah apabila ditanya harga sayur yang dijualnya. Dia juga tersenyum ketika menjawab pertanyaan Kak Mun, sambil menjelaskan bahawa kenaikan harga sayurnya disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang lain, termasuk baja. Dalam masyarakat Melayu, lelaki digambarkan sebagai memiliki sifat gagah dan berani, manakala wanita pula digambarkan sebagai lemah lembut, bertimbang rasa, penyayang, cantik, suka berhias, dan bersopan santun, serta berserah kepada lelaki. Hal ini dapat dibuktikan melalui perilaku dan sifat ikon lelaki dalam masyarakat Melayu seperti Hang Tuah, serta puteri-puteri dalam masyarakat tradisional yang melambangkan sifat kewanitaan Melayu tradisional, dan juga dalam konteks semasa yang cuba digambarkan dalam novel ini.

Seterusnya, penulisan wanita dan bahasa wanita juga diadakan oleh penulis menerusi watak Lily yang dilihat berpendirian tegas dan tetap dalam mempertahankan maruah dirinya sebagai seorang wanita. Tingkah laku berpendirian tegas secara tidak langsung boleh membantu seseorang mengatasi rasa malu dan sedih. Selain itu, tingkah laku tegas melibatkan kemampuan seseorang menyatakan perasaannya kepada orang lain, sama ada secara positif atau negatif, dengan cara yang sesuai sambil menghormati hak orang lain. Berpendirian tegas juga dimaksudkan sebagai kebolehan seseorang menggunakan hak-hak sebenar terhadap dirinya dengan sebaik mungkin tanpa mengganggu hak orang lain, malah menghormatinya. Sikap tegas watak Lily boleh dilihat berdasarkan petikan berikut:

“Oh!” Rizal mengangkat kening, pura-pura teringat. “Ini tentunya berkaitan dengan perut kau yang sedang berisi tu, kan?” Ejeknya lagi.

“Kau tak tahu apa-apa pasal perempuan mengandung,” kata Lily.” Atau kau dah lupa bahawa kau juga pernah berada dalam rahim ibumu. Ibumu terpaksa menanggung beban dan seksaan...”. Rizal tertawa mengejek. “Jangan samakan mak aku dengan kau. Mak aku wanita yang mulia.” “Jangan menghina aku kerana kau juga bukannya baik sangat. Kau sanggup melakukan apa sahaja demi duit.” Rizal terdiam sejenak. Bibirnya mencebik. Wajahnya tergambar perasaan marah yang tidak terhingga. “Aku mengahwinimu untuk menjaga maruah dan nama baikmu, perempuan!”, katanya setelah diam sejenak, mengumpul kekuatan untuk membalas penghinaan yang telah dilemparkan oleh Lily

(Fatinilam Sari Ahmad, 25)

Berdasarkan petikan novel tersebut, dapat dilihat penggunaan gaya bahasa yang menggambarkan emosi seorang wanita, apabila watak Lily digambarkan sebagai berpendirian tegas dalam mempertahankan dirinya ketika Rizal mengejeknya kerana mengandung anak luar nikah. Dia menegaskan bahawa Rizal tidak mengetahui apa-apa tentang perempuan yang mengandung, dan meminta Rizal agar tidak menghina dirinya kerana Rizal juga bukan lelaki

yang baik, sanggup melakukan apa sahaja demi wang. Wanita sering dilihat sebagai insan yang lemah dalam mempertahankan diri berbanding lelaki. Oleh itu, penulis menggunakan gaya bahasa dengan sebaik-baiknya dalam novel ini untuk memperlihatkan bahawa seorang wanita perlu berpendirian tegas dan berhak mempertahankan maruah diri apabila ditindas.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa penulisan novel yang dikaji memaparkan imej-imej dan pengalaman wanita daripada perspektif mereka sendiri. Pengarang berusaha mengekalkan identiti penulis wanita dalam novel yang dihasilkan. Model-model yang dicadangkan dan dibincangkan melalui perspektif ginokritikan diharapkan dapat menyedarkan golongan wanita tentang kedudukan dan peranan mereka dalam karya yang dihasilkan. Teori ginokritik merupakan satu alternatif kepada disiplin ilmu kritikan sastera yang distrukturkan untuk membebaskan wanita dari sejarah sastera yang ditentukan sepenuhnya oleh lelaki. Selain itu, ginokritik memberi perhatian kepada aspek-aspek baru dalam dunia budaya wanita, terutamanya dalam usaha melihat imaginasi dan kreativiti wanita yang mampu menghasilkan bentuk-bentuk eksperimental. Oleh itu, ginokritik menekankan persoalan pengalaman wanita sebagai landasan pemikiran dan proses penciptaan sastera wanita.

Pada dasarnya, teori ini menumpukan kepada cara kerja wanita untuk meneliti karya-karya kesusasteraan wanita. Caranya ialah dengan membina model tertentu yang berpaksi kepada pengalaman wanita. Rangka kerja ginokritikan tertakluk kepada model-model yang berhubung rapat dengan proses penciptaan karya sastera wanita. Keempat-empat model yang dibincangkan menjadi landasan kepada pemikiran dan proses penciptaan karya sastera wanita. Setiap model mempunyai formula dan fungsinya yang tersendiri, serta mampu berdiri sebagai gabungan yang dapat menghuraikan ciri-ciri penulisan sastera wanita. Penglibatan penulis wanita dalam bidang penulisan kreatif tidak hanya mengangkat kredibiliti mereka yang sering dilupakan oleh pihak lelaki, tetapi juga menonjolkan keberanian dan kegigihan dalam bidang yang diceburi.

Novel *Perempuan Tanpa Dosa* karya Fatinilam Sari Ahmad boleh dikategorikan sebagai sebuah novel feminisme. Analisis novel ini menggunakan pendekatan ginokritikan yang diasaskan oleh tokoh terkenal, Elaine Showalter, kerana jalan ceritanya berdasarkan pengalaman pengarang itu sendiri serta pengalaman wanita di sekelilingnya. Penelitian ini mendedahkan keinginan sebenar wanita dan memperbetulkan tanggapan masyarakat bahawa konflik yang diceritakan oleh pengarang lelaki dalam hasil karya mereka tidak mencerminkan keadaan realiti, berbanding penulisan oleh penulis wanita. Pendekatan ginokritikan ini menunjukkan bahawa setiap peristiwa dan watak dalam novel mempunyai hubungan dalaman dengan pengarang, beserta pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh wanita lain. Pendekatan ini juga mampu mengimbangkan realiti antara kaum lelaki dan wanita, serta menunjukkan bahawa wanita mempunyai nilai, peranan, dan kepentingan tersendiri dalam masyarakat. Perkara ini dibuktikan melalui dua prinsip yang dipilih, iaitu penulisan wanita dan biologi serta penulisan wanita dan bahasa wanita melalui watak perwatakan.

Berdasarkan penelitian, Fatinilam Sari Ahmad adalah antara penulis yang mempunyai elemen ginokritikan yang kuat dalam penulisannya. Karya beliau merupakan antara yang menyantuni realiti kehidupan yang memperkatakan tentang emosi dan pemikiran yang dirasai oleh ramai wanita dalam menghadapi cabaran kehidupan. Setiap insan, tanpa mengira jantina, akan diuji dengan kepayahan kehidupan; namun, cara seorang wanita menangani masalah tersebut adalah unik kerana golongan ini sering dilihat lemah dan bergantung sepenuhnya pada

kaum lelaki. Novel ini mengangkat keunikan tersebut dan menunjukkan kepada pembaca bahawa wanita kuat dan mampu mengatasi masalah hidup mereka sendirian tanpa perlu mengharapkan lelaki.

RUJUKAN

- Chen Nan Fei & Mawar Safei. 2017. Cinta: Komunikasi Emosi Wanita Dalam Novel China Dan Melayu. *Jurnal Melayu* 334-353.
- Cixous, Helene, "The Lough of The Medusa" dlm Robyn R. Warhol & Diane Price Herndl (ed), 1997. *Feminisme: an Anthology of Literary Theory and Criticism*. Revised Edition. Hampshire: MacMillan Press Ltd.
- Devianty, R. 2017. Bahasa Sebagai Cermin Kebudayaan. *Jurnal Tarbiyah*, 24 (2), 226-245
- Fatinilam Sari Ahmad. 2000. *Perempuan Tanpa Dosa*. Creative Enterprise.SDN.BHD. Kuala Lumpur.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyah. 2007. *Bahaya Zina*, Terj. Tim Darul Haq, Maktab Dakwah dan Bimbingan Jaliyat Rabwah, Jakarta.
- Jumali HJ. Selamat. 2009. Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*. 12, 19 – 37.
- Latifah. 2016. Corak Penulisan Wanita Tidak Berubah. *Berita Harian*, 20 Mac:12.
- Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan. 2016. Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita Dan Percivel. *Jurnal UMSIDA*, 1, 101-112.
- Md. Asham Ahmad. 2022. Feminisme Islami: Suatu Kritikan Terhadap Faham Keadilan M Musawah. *Afkar*, 24 (1), 1-32.
- Muhd Noriza Jamian & Nursyaza Ilyana Shahrudin. 2020. Kepimpinan Wanita Dalam Novel Matriark Karya Samsiah Mohd. Nor. *Jurnal Melayu*, 530-547.
- Nordiana Hamzah, & Azhar Wahid. 2017. Emosi Takut Dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi. *Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris*, 4271, 57-70.
- Norhayati Ab. Rahman. 2005. Teori Ginokritik Dalam Kritikan Sastera: Suatu Pengenalan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 121-150.
- Nur Syifaa Atikah Nordin & Che Abdullah Che Ya. 2018. Watak Wanita Dalam Bidadari Dari Perspektif Ginokritik: Penelitian Psikologi Dan Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (4), 1- 10.
- Ruzy Suliza Hashim. 2006. Meniti Duri dan Ranjau: Pembikinan Gender Dan Seksualiti Dalam Konteks Dunia Melayu. *Sari*, 24, 15-34.
- Saodah Abd Rahman. 2010. *Wanita & Cabaran Zaman*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Showalter, Elaine, 1977. *A Literature of Their Own*. Princeton: Princeton University Press.
- Showalter. 1982. "Feminist Criticism in the Wilderness" dim Elizabeth Abel (ed.), *Writing and Sexual Criticism: Essays on Women, Literature, and Theory*. New York: Pantheon, 14-15.
- Showalter, 1987, "Towards a Feminist Poetics" dim Rick Rylance (ed.), *Debating Texts: A Reader in Twentieth-Century Literary Theory and Methode*. Milton Keynes: Open University Press, hlm. 238.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan, Mawar Safei & Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2018. Analisis Wajah Seorang Wanita Menerusi Tu'Minubillahdalam Sastera Profetik. *Jurnal Melayu* 17 (2), 178-196.
- Woolf, Virginia, 1957. *A Room of One's Own*. New York: Harcourt Brace Javanovich.

Biodata Penulis:

Nik Nurul Najwa Mohd Yassin adalah mantan pelajar prasiswazah di Program Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang tumpuan beliau ialah kesusasteraan Melayu moden khususnya novel Melayu.

Mas Rynna Wati Ahmad (PhD) merupakan pensyarah kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah teori dan kritikan sastera.